

KERJASAMA SEKOLAH PENERBANGAN 95 (A-95) TNI AU DAN TUDM



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2653-kerjasama-sekolah-penerbangan-95-a-95-tni-au-dan-tudm

INDONESIA, 1 Nov 17 - Lt Muda Muhammad Azfar Azim bin Ibrahim TUDM telah melakar sejarah dalam memperkuatkan hubungan dua hala di antara TUDM dan TNI AU. Kursus Penyelidikan Sekolah Penerbangan Angkatan 95 (A-95) yang terdiri daripada 39 pegawai TNI AU, 2 pegawai TNI AD, 3 pegawai TNI AL dan seorang pegawai TUDM menjadikan keseluruhan seramai 45 pegawai akan menjalani kursus penerbangan selama 16 bulan.

Upacara pembukaan telah dirasmikan oleh Marsekal Muda Eko Supriyanto S.E.M.M yang turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan TNI AU, TNI AL, TNI AD dan TUDM yang diketuai oleh Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Hj Arshad TUDM merangkap Pengurus Bersama TPLU dan beberapa Pegawai Kanan TUDM.

